

Baltona

BAB TIGA

AKAL DALAM AL-QURAN

3.1 PENGENALAN

Manusia dipandang secara jasmaniahnya tidak banyak berbeza dengan haiwan. Pertumbuhan dan perkembangan manusia adalah sama seperti proses pertumbuhan dan perkembangan haiwan. Malah sains turut membuktikan bahawa manusia dan haiwan berasal dari zat-zat bumi. Namun demikian dalam proses pertumbuhan badan manusia, Allah s.w.t menghembuskan roh. Ini tidak terjadi pada haiwan. Ekoran daripada itu, maka terjadilah perbezaan asasi di antara manusia dan haiwan. Kewujudan roh dalam jiwa manusia mewujudkan aktiviti berfikir dan merasa dengan pancaindera. Jalinan antara berfikir dan merasa inilah sesungguhnya yang dikandung oleh akal.¹

3.2 DEFINISI AKAL

Lafaz akal merupakan kalimah yang dipinjam daripada perkataan Arab *al-'aql* (عقل). Kata nama tersebut terbentuk dari kata dasar (عَقْلٌ عَقْلٌ عَقْلًا) yang membawa beberapa erti iaitu mengikat, menahan, membezakan dan memahami.² Menurut Ibn Manzūr dalam *Lisān al-'Arab*, *al-'aql* bermaksud *al-bijr* (بِجْرٌ) atau

¹ Dr. Haron Din (2002), *Manusia dan Islam*, jil. 3, c. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 154.

² Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukarram al-Anṣārī Ibn Manzūr (t.t), *Lisān al-'Arab*, j. 13. T.T.P: al-Muassasah al-Miṣriyyah, h. 475.

al-muhā (المُهَاجِر) iaitu bijaksana, dan ia merupakan kata lawan bagi *al-humq* (الْحُمْق) iaitu bodoh atau dungu.³ Maksud tersebut juga berdasarkan firman Allah s.w.t:

هَلْ فِي ذَلِكَ قَسْمٌ لِّذِي حِجْرٍ (5)

Maksudnya: Bukankah yang demikian itu mengandungi sumpah (yang diakui kebenarannya) oleh orang yang berakal sempurna?

Surah al-Fajr (89): 5

Adapun menurut *Mukhtār al-Sibbāh*, *al-'aql* dikenali sebagai *al-muhā* (tegahan / menahan) kerana fungsi akal itu sendiri yang berperanan mencegah dan menahan daripada sebarang keburukan.⁴ Pada zaman jahiliah orang yang berakal (*al-'āqil* / العاقل) adalah orang yang dapat menahan amarahnya dan mengendalikan hawa nafsunya sehingga kerananya dia dapat mengambil sikap dan tindakan yang bijak dalam menghadapi segala persoalan yang dihadapinya.⁵

Manakala tinjauan penulis mendapati maksud akal dari sudut istilah kebanyakannya berdasarkan fungsi dan peranan akal dalam kehidupan manusia. Walaupun definisi yang diberikan berbeza antara satu sama lain tetapi asasnya masih lagi berdasarkan maksudnya dari sudut bahasa. Antara definisi yang diberikan ialah:

³ *Ibid.* Lihat juga Muḥammad bin Abī Bakr bin 'Abd al-Qādir al-Rāzī (1993), *Tartīb Mukhtār al-Sibbāh*. Syihāb al-Dīn Abī 'Umar (taḥqīq). Beirut: Dār al-Fikr, h. 164 & 817.

⁴ Muḥammad bin Abī Bakr bin 'Abd al-Qādir al-Rāzī, *ibid.*, h. 817.

⁵ Dr. HM Tuah Iskandar al-Haj (2003), *Motivasi Diri: Membina Imagination Cemerlang*, c. 3. Selangor: Karya Bistari, h. 6-7.

- (i) Akal merupakan daya atau kekuatan otak yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada manusia sebagai alat untuk berfikir dan alat untuk mempertimbangkan dan memikirkan baik buruknya sesuatu perkara.⁶
- (ii) Akal merupakan daya fikir yang dimiliki manusia untuk mengetahui hakikat sesuatu.⁷
- (iii) Akal merupakan kemampuan berfikir secara rasional. Pengertian akal yang lain meliputi kemampuan hati dan batiniah.⁸
- (iv) Prof Hamka telah memetik kata-kata Amir bin Abdul Kuddus, menurut beliau akal setelah dipindahkan daripada makna yang asli menurut bahasa itu ialah pengetahuan akan perkara yang mesti diketahui.⁹
- (v) Akal merupakan tenaga yang menahan diri makhluk yang memiliki daripada perbuatan buruk dan jahat, membezakannya daripada makhluk-makhluk lain, kerana tenaga akal itu dapat membezakan antara yang baik dan yang buruk.¹⁰

⁶ Ensiklopedia Islam (1998), jil. 1. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Ensiklopedia Malaysia, h. 218. Lihat juga Ensiklopedi Hukum Islam (1997), jil. 1 (Abd-Fik). Jakarta: Pt Ichtiar Baru van Hoeve, h. 68.

⁷ Dr. Wahbah al-Zuhayli (1972), *al-Uṣūl al-‘Āmmah li Waḍdah al-Dīn al-Ḥaq*. Damsyik: al-Maktabah al-‘Abāsiyyah, h. 136.

⁸ Abdul Munir Mulkhan (1994), *Paradigma Intelektual Muslim: Pengantar Filsafat Pendidikan Islam Dan Dakwah*, c. 2. Yogyakarta: SIPRESS, h. 42.

⁹ Prof. Dr. Hamka (1983), *Falsafah Hidup*, c. 3. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 30.

¹⁰ Haron Din (2002), *op.cit.*, h. 154.

- (vi) Ada yang mengatakan bahawa akal adalah *nūr* (cahaya) yang Allah bekaskan di hati manusia dan aliran tenaga itu disambungkan sampai ke otak.¹¹

Namun begitu definisi akal yang diberikan oleh Imām al-Ghazālī lebih terperinci. Menurut beliau akal mempunyai empat pengertian iaitu pertamanya akal ialah sifat yang membezakan manusia dengan sifat binatang. Ia disediakan untuk manusia bagi menerima ilmu teoritis dan mentadbir kemahiran fikiran yang tersembunyi. Akal dengan definisi inilah yang dimaksudkan oleh al-Muḥāsibī dengan katanya “akal adalah naluri yang membolehkan manusia menanggung pelbagai ilmu teoritis dan ia seperti *nūr* yang dicampakkan ke dalam hati untuk mencerap atau memahami sesuatu”.

Kedua, akal ialah ilmu yang muncul pada kanak-kanak mumaiyiz¹², tentang keharusan perkara-perkara yang harus dan kemustahilan perkara-perkara yang mustahil, seperti pengetahuan bahawa dua lebih besar daripada satu. Akal dengan pengertian inilah yang dimaksudkan oleh sebahagian daripada *mutakallimīn* dengan katanya “akal ialah sebahagian daripada ilmu *darūrī* seperti ilmu mengenai keharusan perkara-perkara yang harus dan kemustahilan perkara-perkara yang mustahil”.

Ketiga, akal ialah pelbagai ilmu yang diperolehi daripada pengalaman-pengalaman mengharungi pelbagai keadaan. Oleh itu seseorang yang diperkuuhkan pemahamannya oleh pengalaman, biasanya disebut orang yang

¹¹ *Ibid.*

¹² Tahu membezakan antara yang baik dan yang buruk.

berakal dan seseorang yang tidak bersifat demikian disebut orang yang bebal, dungu atau jahil.

Keempat, akal ialah suatu daya naluri hasil kemuncak perkembangan naluri tersebut, sehingga ia boleh mengenal pasti akibat-akibat segala perkara, dan melawan dan mengalah nafsu syahwat yang mendorong kepada kesenangan dunia. Oleh itu seseorang yang berjaya mendapat daya ini disebut orang yang berakal kerana pemikiran keutamaan dalam tindakannya adalah ditimbang berdasarkan kepada akibat-akibatnya dan bukan berdasarkan kehendak nafsunya. Daya ini juga merupakan ciri istimewa manusia yang membezakannya dengan haiwan.¹³

Imam al-Ghazali sendiri mengulas empat definisi ini. Menurut beliau definisi pertama adalah asas, akar dan punca. Definisi kedua adalah cabang yang paling dekat dengannya. Definisi ketiga adalah cabang definisi pertama dan kedua, kerana daya naluri dan dan ilmu-ilmu *darūri* menghasilkan ilmu-ilmu pengalaman. Dan definisi keempat adalah buah (hasil) terakhir. Dua definisi pertama diperolehi secara semulajadi (fitrah) dan dua definisi terakhir diperolehi dengan daya usaha.¹⁴ Walau bagaimanapun, umumnya akal diertikan sebagai alat untuk berfikir, menimbang buruk baik atau merasakan segala perubahan keadaan, sehingga dapat mengambil manfaat daripadanya.¹⁵

¹³ Abī Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (1998), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil. 1. T.T.P: Där Misr, h. 115. Lihat juga Yaman bin Towpek (1998), "Al-Ghazaliy: Suatu Kajian Tentang Pemikirannya Mengenai Akal dan Kebebasannya" (Tesis, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 117-119.

¹⁴ Al-Ghazālī, *ibid*. Lihat juga Yaman bin Towpek, *ibid*.

¹⁵ Haron Din (2002), *op.cit.*, h. 154.

3.3 KEDUDUKAN AKAL

Para ulamak tidak menyangkal kewujudan akal walaupun ia tidak boleh dilihat atau dirasa melalui pancaindera. Menurut Imām al-Ghazālī akal bukan ‘arad (bukan objek), walaupun ia diciptakan sebelum penciptaan jisim dan ia adalah *jawhar* walaupun ia berdiri sendiri dan tidak boleh dibahagi-bahagikan. Ini kerana ia hanya layak dikenalpasti melalui ilmu *mukāsyafah*¹⁶ bukan dengan ilmu *mu’āmalah*¹⁷. Sifat akal yang tidak boleh dilihat dan disentuh menyebabkan pertelingkahan di kalangan ulamak mengenai lokasi atau kedudukannya dalam jasad manusia.¹⁸

Ada yang mengatakan tempatnya di hati, manakala cahayanya di otak dan ada juga yang berpendapat akal adalah hasil kerja yang dilakukan oleh otak yang berpusat di kepala.¹⁹ Lantaran itu kebanyakan masyarakat kita mengatakan bahawa akal terletak pada otak yang berpusat di kepala. Mereka menyamakan akal dengan otak kerana apabila sesuatu yang terjadi pada otak, akal turut terjejas. Tetapi sebenarnya akal bukanlah otak dan tidak terletak di otak. Sekiranya kedudukan akal seperti yang didakwa, maka tiada perbezaan antara manusia dan haiwan. Sedangkan perkara ini tidak mungkin berlaku.

¹⁶ Ilmu yang menyingkap hijab hingga dapat menyaksikan hakikat ketuhanan dengan matahati seolah-olah melihat dengan mata kasar. Lihat Towpek bin Yaman (1998), *op. cit.*, h. 123.

¹⁷ Ilmu yang berkaitan dengan pemurnian dan penyuburan jiwa dan akhlak. Lihat Towpek bin Yaman, *ibid*. Lihat juga al-Ghazālī (1998), *op.cit.*, h. 112.

¹⁸ Dr. 'Izzat Muhammad Hasan (1984), *Ni'amū Allāh fī Khalq al-Insān Kamā Yuṣawwiruhu al-Qur'ān al-Karīm*. Riyadah: Maktabah al-Ma'ārif, h. 121.

¹⁹ *Ibid*.

Dalam menjelaskan persoalan ini, al-Quran menyatakan bahawa pemikiran dan pemahaman yang berlaku pada akal manusia adalah melalui kalbu yang berpusat di dada.²⁰ Ia berdasarkan firman Allah s.w.t:

وَلَقَدْ ذَرَنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِنَ الْجِنِّ وَالإِنْسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah) ...

Surah al-A'rāf (7): 179

Malah dalam kamus juga tiada huraihan yang menyatakan akal adalah daya fikir yang berpusat di kepala tetapi ia dikatakan sama dengan *al-qalb* yang berpusat di dada.²¹ Ia turut diakui oleh Imām al-Ghazālī dalam beberapa kitabnya.²²

Menurut Dr. Harun Nasution yang memetik kata-kata Prof. Izutsu dalam bukunya *God and Man in the Quran*, makna akal dalam falsafah Islam telah mengalami perubahan erti kerana ia terpengaruh dengan falsafah Yunani. Perkataan *al-'aql* adalah seerti dengan *nous* dalam falsafah Yunani yang bermaksud daya fikir yang terdapat dalam jiwa manusia. Justeru itu pemikiran dan pemahaman tidak lagi melalui *al-qalb* yang berpusat di dada tetapi melalui *al-'aql* di kepala.²³ Namun begitu Wahbah Zuhaylī membawa satu pandangan yang agak berbeza. Menurut beliau akal terletak di kedua-duanya iaitu di kepala dan di dada.²⁴

²⁰ Prof. Dr. Harun Nasution (1983), *Akal dan Wahyu dalam Islam*. Indonesia: UI PRESS, h. 7.

²¹ *Ibid.* h. 8. Lihat juga Ibn Manzūr (t.t), *op. cit.*, h. 486.

²² Al-Ghazālī (1998), *op. cit.*, h. 115. Lihat juga al-Imām al-Ghazālī (1964), *Mizān al-'Amal*. Dr. Sulaymān Dunyā (taḥqīq). Mesir: Dār al-Ma'ārif, h. 330. Lihat juga Abu Hāmid al-Ghazālī (1964), *Misykāt al-Anwār*. Dr. Abu al-'Alā 'Afīfī (taḥqīq). Kaherah: al-Hay'ah al-'Āmah li al-Kuttāb, h. 43.

²³ Harun Nasution (1983), *op.cit.*, h. 8.

²⁴ Wahbah al-Zuhaylī (1972), *op. cit.*, h. 136.

Walau bagaimanapun hakikatnya akal bukanlah unsur material anggota tubuh yang dapat dicari dan ditentukan kedudukannya. Tetapi ia hanya dapat dirasai dan dilihat apabila bahagian-bahagian dalam anggota manusia saling bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu. Dalam kondisi ini barulah akal seseorang itu dapat ditentukan dan diukur kualitinya.²⁵

3.4 KEISTIMEWAAN AKAL.

Ketinggian dan keistimewaan akal dalam Islam dapat dilihat melalui hadith berikut:

وَعِزَّتِيْ وَجَلَّاَنِيْ وَكَبِيرِيَاَنِيْ وَسُلْطَانِيْ وَجَبَرُوتِيْ مَا خَلَقْتُ خَلَقْتَ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْكَ وَلَا أَكْرَمَ عَلَيْهِ مِنْكَ...

*Maksudnya: Demi kemuliaanKu, keagunganKu, kebesaranKu dan kekuasaanKu, tiada makhluk yang Kuciptakan lebih Aku suka daripada kejadianmu, dan tiada yang Kumuliakan lebih daripadamu...*²⁶

Akal merupakan makhluk ciptaan Allah yang paling tinggi. Ia hanya diberikan kepada manusia, bukan pada makhluk lain. Ketinggian tersebut sekaligus telah mengangkat kedudukan manusia sebagai sebaik-baik makhluk dan telah membezakannya daripada makhluk-makhluk ciptaan Allah yang lain.

Firman Allah s.w.t:

وَلَقَدْ كَرَمْتَنِيْ آدَمَ وَحَمَنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيَّابَاتِ
وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِنْ مَنْ خَلَقْنَا ثَقْصِيلًا (70)

²⁵ Dr. Adnan an-Nahwi (2000), *Jalan Tuhan Membangun Kehidupan*. Wajihuddin Alantaqi (terj.). Jakarta: Gema Insani, h. 95.

²⁶ Abi 'Abd Allah Muhammad al-Hakim al-Tirmidhi (t.t), *Nawâdir al-Usûl fi' Ma 'rifah Ahâdîth al-Rasûl*. Al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, h. 240.

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

Surah al-Isrā'(17): 70

Lantaran kemuliaan dan ketinggian akal yang manusia miliki, mereka telah dinobatkan sebagai pentadbir (khalifah) bumi. Amanah dan tanggungjawab tersebut tidak diberikan kepada makhluk lain kerana manusia sahaja yang layak memikulnya. Hal ini telah dirakamkan dalam al-Quran, firman Allah s.w.t:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأُمَّةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجَبَالِ فَأَيْنَ أَنْ يَحْمِلُنَّهَا
وَأَشْفَقْنَاهُنَّهَا وَحَمَلَهُنَّهَا إِنَّمَا كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا (72)

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

Surah al-Ahzāb (33): 72

Sebagai khalifah, manusia berusaha mentadbir bumi sebaiknya berpandukan akal. Akal membolehkan manusia berfikir, menimbang, menganalisis, memahami dan akhir sekali membuat atau menentukan pilihan yang terbaik untuknya²⁷ dan sekaligus untuk alam yang ditadbirnya. Malah menurut Imām al-Ghazālī, kebahagian dunia dan akhirat tidak mungkin tercapai melainkan

²⁷ Muhammad Imaduddin Abdul Rahim (1994), *Kuliah Tauhid*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, h. 58-59.

dengan akal. Akal dapat mendekatkan diri kepada Allah dan dengan akal juga akan sempurna agamanya.²⁸

3.5 FUNGSI DAN PERANAN AKAL

Setiap anggota badan manusia mempunyai peranan masing-masing dan peranan akal ialah merenung, melihat dan berfikir. Sekiranya peranan tersebut diabaikan, kekuatan akal akan hilang dan seterusnya mengakibatkan kehidupan yang mundur.²⁹ Namun begitu, menurut Ensiklopedi Hukum Islam, akal mempunyai tiga peranan iaitu mengkaji dan menyelidik, mengumpul dan mengingat, dan menyimpan dan mengeluarkan. Sebelum akal menerima sesuatu ilmu untuk disimpan, ia mengkaji terlebih dahulu. Apabila sesuatu ilmu itu telah diterima ia akan disimpan.³⁰

Adapun menurut Tawfiq Muhamad 'Iz al-Din, al-Quran telah menggariskan tiga peranan utama akal manusia. Pertamanya berfungsi mengkaji semua sunnah kehidupan alam yang terdiri daripada benda-benda mati,³¹ tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia dengan berusaha untuk mendapatkan kebaikan dan manfaat daripadanya.

Kedua, memahami makna-makna nas syarak dan cuba membongkar rahsia-rahsia dan penetapan hukum tersebut serta maksud-maksud yang terkandung di dalamnya. Dan berijtihad mengeluarkan hukum yang tidak

²⁸ Al-Ghazālī (1964), *op.cit.*, h. 331.

²⁹ Al-Sayyid Sābiq (t.t), *Islāmūnā*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi, h. 17.

³⁰ Ensiklopedia Islam (1998), *op.cit.*, h.218-219.

³¹ Benda-benda tidak bernyawa.

ditetapkan oleh syarak dan menetapkan yang terbaik terhadap hukum yang dibawa. Ketiga, menyatakan hukum dan rahsia-rahsia tersembunyi dalam kehidupan dan syarak, dan memahami objektif-objektif yang terkandung dalam hukum dan rahsia tersebut, dan seterusnya menghubungkannya dengan kehidupan manusia.³²

Walau bagaimanapun, hasil daripada kajian dan pembacaan penulis mendapati bahawa peranan asas akal ialah merujuk kepada segala aktiviti yang dilakukan oleh akal sama ada merenung, melihat, berfikir, mengkaji, menyelidik, mengingat, menyimpan dan sebagainya. Kepelbagaiannya pendapat mengenai peranan akal disebabkan oleh pandangan yang diberikan adalah dari sudut yang berbeza. Oleh sebab itu penulis telah membuat satu kesimpulan bahawa peranan utama akal tersebut telah mewujudkan pelbagai peranan lain dalam kehidupan manusia. Peranan-peranan ini sering diperkatakan setiap kali dibincangkan mengenai akal, antaranya:

3.5.1 Akal sebagai sumber ilmu pengetahuan.

Menurut Imām al-Ghazālī akal adalah sumber dan asas ilmu. Bandingan hubungan akal dengan ilmu seperti pokok dengan buahnya, matahari dengan sinarnya dan mata dengan penglihatannya.³³ Tidak diragukan lagi bahawa ilmu pengetahuan diperolehi lantaran akal yang merupakan kekuatan yang paling mulia.³⁴ Jadi faedah ilmu dari satu segi dilihat sebagai pekerjaan akal, manakala

³² Tawfiq Muhammad 'Iz al-Din (1986), *Dalīl al-Anfus Bayn al-Qur'ān al-Karīm wa 'Ilm al-Hadīth*. Kaherah: Dār al-Salām, h. 32.

³³ Al-Ghazālī (1998), *op.cit.*, h. 11.

³⁴ Al-Ghazālī (1964), *op.cit.*, h. 330.

dari segi lain pula ia merupakan ibadat kepada Allah s.w.t dan dari segi lain juga ia adalah perlaksanaan kepimpinan yang ditugaskan oleh Allah s.w.t.³⁵

Akal membolehkan manusia menguasai pelbagai ilmu pengetahuan seperti ilmu sains dan teknologi, ilmu perubatan, ilmu pentadbiran dan sebagainya. Penguasaan terhadap ilmu-ilmu tersebut menjadikan manusia mampu bangun untuk memajukan tamadun dan kebudayaan mereka. Sekaligus dapat mengatur kehidupan yang lebih sempurna. Keupayaan ini sesuai dengan tugas manusia sebagai khalifah Allah. Akal yang penuh dengan ilmu pengetahuan memudahkan perlaksanaan amanah yang di pertanggungjawabkan. Pertalian kukuh antara ilmu dan akal jelas dalam seruan wahyu pertama sebagaimana firmanNya:

أَقْرَأْتَ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ⁽¹⁾ مِنْ عَلَقٍ⁽²⁾ أَفْرَأَتْ
الْأَكْرَمُ⁽³⁾ الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَنِ⁽⁴⁾ عَلِمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ⁽⁵⁾

Maksudnya: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, - Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, - Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

Surah al-'Alaq (96): 1-5

Lafaz ‘baca’, ‘mengajar’ dan ‘ pena’ ternyata menunjukkan hubungan ayat ini dengan ilmu pengetahuan. Adapun proses ‘membaca’ dan ‘mengajar’ pula menunjukkan kerja-kerja dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh akal manusia.³⁶ Keeratan hubungan ilmu dan akal ini turut diakui oleh Rāghib al-Asfahānī iaitu seorang ahli bahasa dan gramatika Arab, “akal merupakan kekuatan yang dipersiapkan untuk menerima ilmu pengetahuan”.³⁷

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Harun Nasution (1983), *op.cit.*, h. 50.

³⁷ Ensiklopedi Hukum Islam (1997), *op.cit.*, h. 68-69.

3.5.2 Akal sebagai sumber hukum.

Akal juga berfungsi sebagai sumber penetapan hukum dalam Islam. Potensinya sebagai daya kekuatan berfikir dan berijtihad di saat tiada nas al-Quran dan al-Hadith menunjukkan nilai dan ketinggiannya. Tugas dan kepercayaan tersebut berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w ketika baginda menugaskan Mu'az bin Jabal sebagai kadi Yaman.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ (ص) بَعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ فَقَالَ: كَيْفَ تَعْضِي؟ قَالَ: أَقْضِي
بِمَا فِي كِتَابِ اللَّهِ، قَالَ: فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي كِتَابِ اللَّهِ؟ قَالَ: فَيَسْتَأْتِي رَسُولُ اللَّهِ،
قَالَ: فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي سُنْنَةِ رَسُولِ اللَّهِ (ص)؟ قَالَ: أَجْتَهِدُ رَأِيِّي، وَقَالَ:
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَقَرَ رَسُولُ اللَّهِ (ص).

Maksudnya: Rasulullah s.a.w telah mengutus Muaz ke Yaman, baginda bertanya: Dengan apa kamu menghukum? Muaz menjawab: Aku akan menghukum dengan Kitab Allah. Baginda bertanya lagi: Sekiranya kamu tidak mendapatinya dalam Kitab Allah? Maka Muaz menjawab: (Aku menghukumnya) dengan Sunnah Rasulullah s.a.w. Baginda bertanya lagi: Sekiranya kamu tidak mendapatinya dalam Sunnah Rasulullah s.a.w? Maka Muaz menjawab: Aku akan berijtihad dengan pandanganku sendiri. Lalu Rasulullah s.a.w berkata; Segala puji bagi Allah yang telah memberi taufik kepada utusan Rasulullah s.a.w.³⁸

Ganjaran yang besar disediakan kepada seorang mujahid tanpa mengira ijtihad yang dilakukan benar atau salah. Sekiranya ijtihad tersebut benar, maka mereka diberikan dua pahala, dan sekiranya salah mereka tetap diberi ganjaran iaitu satu pahala. Ia berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w:

إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ فَأَصَابَ فَلَهُ أَجْرٌ وَإِذَا حَكَمَ فَأَخْطَأَ فَلَهُ أَخْرَى
وَاحِدٌ

³⁸ Abi 'Isā Muhammād 'Isā bin Sawrah (1994), Sunan al-Tirmidhī. Kitāb al-Āhkām, Bāb Ma Jā'a fī al-Qāḍī Kāifa Yaqđi, no. hadith 1332.

*Maksudnya: Apabila seorang hakim menghukum dan berijtihad, kemudian benar, maka baginya mendapat dua pahala. Dan apabila menghukum kemudian salah (ijtihadnya), maka baginya satu pahala.*³⁹

Di sini bukan salahnya satu pahala yang dinilai, tetapi kegiatan berfikir dalam berijtihad itulah yang dinilai.⁴⁰ Betapa besarnya dorongan berfikir dalam Islam dan betapa tingginya darjat akal sehingga ia menduduki tangga ketiga selepas al-Quran dan al-Hadith dalam penetapan suatu hukum Islam.

3.5.3 Akal sumber mengenal diri dan Tuhan

Mengenali Allah bukan dengan melihat atau sebagainya kerana Dia tidak berjisim, tidak bertempat, tidak boleh dilihat, tidak boleh dirasa dan dipegang. Sesungguhnya Maha Suci Allah daripada menyerupai segala sesuatu di muka bumi ini. Tetapi Dia boleh dilihat melalui sifat-sifatNya. Sifat-sifat tersebut hanya mampu diketahui melalui akal fikiran.⁴¹ Dengan mengenali sifat-sifat tersebut manusia akan mengetahui zat Allah s.w.t dan sekaligus dapat membezakannya dengan sifat makhluk.⁴²

Untuk mengenali Allah s.w.t, manusia dilarang berfikir mengenai zatNya kerana ia tidak mungkin tercapai oleh akal manusia. Tetapi mereka disuruh

³⁹ Abī ‘Īsā Muḥammad ‘Īsā bin Sawrah (1994), Sunan al-Tirmidhī. Kitāb al-Ahkām, Bāb Mā Jā’ a fi al-Qāḍī Yusibū wa Yukhī’u, no. hadith 1331. Lihat juga Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim al-Qusayyīrī al-Naysābūrī Abū al-Ḥusayn Ḥāfiẓ (1994), Saḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Imām Maḥy al-Dīn al-Nawawī. Kitāb al-Aqdiyyah, Bāb Bayān Ajr al-Ḥākim Idhā Ijtahada Fa’asāba aw Akhta’ā, no. hadith 4462. Lihat juga Muḥammad bin Ismāil al-Bukhārī (1979), Saḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-‘Iṣām, Bāb Ajr al-Ḥākim Idhā Ijtahada Fa’asāba aw Akhta’ā, no. hadith 450.

⁴⁰ Ahmad Husnan (1992), *Berbenah Diri: Menuju Pemikiran Islam*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar, h. 156-157.

⁴¹ Dengan bantuan wahyu.

⁴² Ibnu Abdul Rahman (1992), *Ranjau-ranjau ke Syurga (Siri 5): Mengenal Allah*. Petaling Jaya: Penerbitan Senada, h. 7.

berfikir dan merenung alam dan segala peraturan yang terkandung di dalamnya. Lantaran itu akal dijadikan sebagai wasilah untuk mencapai matlamat tersebut. Renungan itu membuatkan akal mengakui pencipta tersebut Maha Mengetahui, Maha Bijaksana dan Maha Agung.⁴³

3.5.4 Akal sebagai neraca penimbang.

Al-Quran menyeru manusia agar menggunakan akal serta menjadikannya sebagai neraca penilai bagi setiap perkara yang hendak dilakukan.⁴⁴ Menurut Wahbah al-Zuhayli yang memetik kata-kata Dr. Sulaymān Dunyā, kekuatan yang akal miliki mampu menyingkap sesuatu realiti dalam membezakan antara kejahatan dan kebaikan, kebenaran dan kebatilan dan dalam menjauhkan kejahatan dan kebatilan.⁴⁵

Apabila seseorang melakukan kesalahan kerana dorongan hawa nafsu dan syaitan, dia akan segera memohon keampuan dari Allah s.w.t dan segera bertaubat atas segala kesalahan dan kesilapan yang telah dilakukan. Ini kerana kesalahan tersebut terjadi ketika akal dan pemikiran mereka ‘hilang’ buat sementara waktu. Namun demikian apabila akal mereka kembali semula, mereka akan menyedari kesilapan yang telah dilakukan dan segera bertaubat. Akal yang menyedari kesilapan dan kesalahan tidak akan membiarkan pemiliknya terus

⁴³ Al-Syeikh Muḥammad ‘Abduh (t.t) *Islām Dīn al-‘Ilm wa al-Madīnah*. Tāhir al-Tanāḥī (taḥqīq). T.T.P: Dār al-Hilāl, h. 92.

⁴⁴ Al-Sheikh Abdul Halim Mahmud (2000), *Islam dan Akal*, c. 2. Mohd Fakhruddin Abd. Mukti (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.3

⁴⁵ Al-Zuhayli (1972), *op.cit.*, h.137. Lihat juga Mohamad Kamil Haji Abdul Majid (1993), *Beberapa Aspek Ilmu Kalam Mengikut Ibn Taymiyyah*. Selangor: Media Ilmu, h. 77-78.

dalam keadaan berdosa⁴⁶ kerana dia sedar dari mana dia datang dan ke mana dia akan tujui.

Namun begitu, sesiapa yang tidak dapat membezakan antara baik dan buruk kerana sebab kecacatan akal, maka dia dianggap uzur dan tidak dikira bersalah bila melakukan keburukan atau meninggalkan kebaikan.⁴⁷

3.6 KEBEBASAN AKAL

Secara fitrahnya Allah s.w.t menjadikan akal bersifat baik. Ini kerana penciptaannya adalah untuk manfaat dan kebaikan manusia. Sifat tersebut sememangnya amat sesuai untuk makhluk yang dilantik sebagai khalifah Allah s.w.t. Tanggungjawab, tugas dan peranan yang dimainkan oleh akal dalam penyempurnaan tugas sebagai khalifah bergantung kepada pemiliknya, sama ada ia digunakan bertepatan dengan sifat asalnya yang istimewa ataupun sebaliknya.

Akal menurut fitrahnya juga dicipta Allah s.w.t dalam keadaan bebas. Bagaimana ia berfikir dan apapun yang difikirkan, apa yang hendak dilakukan, apa yang ia mahukan dan segala-galanya tidak ada yang mampu menghalangi. Oleh sebab itu ia mampu membentuk dan mengubah dunia mengikut pola fikiran yang mereka inginkan, sama ada ke arah kemusnahan dan kehancuran atau ke arah kedamaian dan kebahagiaan.⁴⁸

⁴⁶ Ini adalah sifat semulajadi akal. Ia akan kekal baik jika pemiliknya sentiasa berwaspada dengan godaan hawa nafsu dan syaitan.

⁴⁷ Mohamad Kamil Haji Abdul Majid (1993), *op.cit.*, h. 78.

⁴⁸ Ahmad Husnan (1992), *op.cit.*, h. 137.

Umpamanya akal mampu membangunkan dan memajukan tamadun dunia dengan mencipta bangunan pencakar langit, alat-alat teknologi moden dan sebagainya. Demikian juga akal mampu memusnahkan dunia dengan penciptaan bom-bom atom dan nuklear seperti yang berkalu di Hiroshima dan Nagasaki dalam Perang Dunia Kedua. Pendek kata akal mampu menguasai lautan, daratan bahkan angkasa lepas.

Justeru jelaslah bahawa akal pada dasarnya adalah bersifat baik dan bebas. Namun begitu fitrahnya yang baik hanya dapat ditentukan oleh pemiliknya sahaja, dan kebebasan yang dimiliki hanya mampu dibatasi oleh keterbatasan sifatnya sahaja.⁴⁹ Dalam membicarakan persoalan kebebasan akal, seorang sasterawan Mesir Syeikh Muṣṭafā Ṣādiq Rāfi‘ī telah berkata:⁵⁰

إِنْ كَانَ هُنَاكَ شَيْءٌ إِسْمُهُ حُرْيَةُ الْفَكْرِ فَلَيْسُ هُنَاكَ شَيْءٌ إِسْمُهُ حُرْيَةُ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: Sekiranya di sana ada sesuatu yang dinamakan kebebasan berfikir, maka bukan bererti di sana juga ada kebebasan berakhlik.

Tiada siapa yang mampu menyangkal kebenaran kata-kata ini. Walaupun akal dicipta dengan penuh kebebasan, ia bukan bererti pemiliknya boleh melakukan apa sahaja yang diingini dan hajati tanpa mengira batasan dan kehendak agama. Oleh sebab itu dalam Islam setiap tindakan baik dan buruk akal akan dinilai. Ganjaran pahala diberikan untuk kebaikan dan hukuman dosa untuk kejahatan. Lantaran itu manusia diingatkan supaya tidak menyalahgunakan akal fikiran ke arah yang menimbulkan dosa dan perkara-perkara negatif yang ditegah oleh agama. Ini kerana setiap tindak tanduk akal akan menentukan kedudukannya di sisi Allah akhirat kelak.

⁴⁹ Sifat akal yang terbatas akan diterangkan dalam subtopik ‘Kelemahan Dan Keterbatasan Akal.’

⁵⁰ Ahmad Husnan (1992), *op.cit.*, h. 138.

3.7 KELEMAHAN DAN KETERBATASAN AKAL.

Walaupun diberi kebijaksanaan dan pandangan yang tajam, akal tetap merupakan makhluk yang lemah dan hina seperti makhluk ciptaan Allah yang lain. Umpamanya kadang-kadang dalam berkeinginan mengingati sesuatu akal seringkali terlupa dan dalam berkehendakan kesenangan kadangkala susah pula jadinya.⁵¹ Ada kalanya juga akal turut tewas dalam perperangan melawan hawa nafsu dan godaan syaitan durjana.

Nafsu merupakan satu sifat diciptakan Allah s.w.t dalam diri manusia yang sentiasa mendorong akal untuk berbuat kejahatan dan maksiat seperti zina, rogol, mencuri, merompak dan sebagainya.⁵² Manakala syaitan pula seperti yang diketahui ia adalah musuh turun temurun manusia sejak Adam a.s lagi. Ia sentiasa membisikkan kejahatan dan kemungkaran pada akal manusia. Pelbagai helah dan cara digunakan untuk sama-sama mengheret manusia terjun ke neraka *Jahannam*.

Adapun akal pula seperti yang telah diterangkan, secara fitrahnya bersifat baik. Ia cenderung kepada hal yang menyakitkan seketika dan bermanfaat dalam akibatnya. Sedangkan hawa nafsu cenderung kepada sebaliknya iaitu lazat seketika dan buruk dalam akibatnya. Kemudian kedua-duanya saling bertentangan dan berlawanan untuk mentadbir (menguasai) daya pemikiran. Ketika ini cahaya Allah segera membantu akal, dan godaan syaitan segera membantu hawa nafsu. Maka terjadilah perlawanan antara keduanya.⁵³

⁵¹ Ibnu Abdul Rahman (1992), *op.cit.*, h. 6.

⁵² *Ibid.*, h. 5

⁵³ Al-Ghazālī (1964), *op.cit.*, h. 244.

Namun apabila akal tewas dan dikawal oleh kedua-dua makhluk ini, ia tidak mampu lagi memberi manfaat kepada manusia. Malah ia tidak boleh berfikir dengan baik dan tidak boleh membezakan antara kebenaran dan kebatilan. Ia sudah menjadi makhluk perosak, pemusnah dan sekaligus melahirkan huru-hara di atas muka bumi ini. Akal sebegini akan meletakkan manusia lebih rendah daripada binatang kerana kemusnahan dan kedurjanaan yang dilakukan oleh binatang tidak seperti yang dilakukan oleh akal sehingga mampu merosakan bumi.

Dalam pada itu, akal juga bersifat terbatas. Walaupun pada asasnya ia bersifat bebas dan berkemampuan melakukan apa sahaja dengan kelebihan yang dimilikinya, tetapi ia sebenarnya lemah dan tidak semua perkara dapat dicapainya. Ini kerana dimensi dan jangkauan akal tidak sampai ke alam luar, lebih khusus yang berkaitan dengan alam ghaib⁵⁴ seperti hal-hal mengenai Allah dan sifat-sifatNya, malaikat dan tugas-tugasnya, ketentuan takdir bagi setiap makhluk, kepastian kedatangan Hari Kiamat dan persoalan-persoalan ghaib seperti alam kubur beserta nikmat dan azabnya dan alam akhirat beserta adanya syurga dan neraka.⁵⁵

Sesungguhnya akal hanya mampu menanggapi perkara-perkara yang tercapai oleh pancaindera dan apa yang berhubung dengan kehidupan dunia ini sahaja.⁵⁶ Adapun perkara-perkara yang tidak mampu dinilai dan digapai dengan kudrat pancaindera, pengetahuannya dibatasi oleh Allah s.w.t. FirmanNya:

⁵⁴ Ahmad Husnan (1992), *op.cit.*, h. 139.

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ Al-Zuhayli (1972), *op.cit.*, h. 146.

وَمَا أُوتِيتُم مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا (85)

Maksudnya: ...tidak diberikan ilmu pengetahuan kepada kamu melainkan sedikit sahaja".

Surah al-Isrā' (17): 85

Jelas, walaupun akal dijadikan dalam keadaan suci, bersih dan berkeadaan baik tetapi disebabkan gangguan dan bisikan nafsu dan syaitan, ia terdorong untuk melakukan kemungkaran yang menimbulkan kemurkaan Allah s.w.t. Manakala sifatnya yang bebas pula bukan bererti ia berupaya memikirkan segala benda yang berhubung dengan kehidupannya. Ia sebenarnya memerlukan bimbingan dan petunjuk untuk mencapai kehidupan yang sempurna. Bimbingan dan petunjuk tersebut telah digariskan dalam al-Quran yang mana ia merupakan wahyu yang disampaikan oleh Allah s.w.t melalui perantaraan Rasulullah s.a.w. Bahkan petunjuk tersebut juga didapati melalui tatacara hidup Rasulullah s.a.w yang lebih dikenali sebagai al-Sunnah.

Menurut ‘Abd al-Halīm Maḥmūd, kedua-dua petunjuk⁵⁷ ini sebenarnya datang sebagai pembawa hidayah kepada akal dalam beberapa masalah iaitu pertamanya pada perkara-perkara luar tabii iaitu persoalan-persoalan akidah yang khusus mengenai Allah s.w.t, rasul, akhirat dan tentang ketuhanan yang ghaib yang mana ia diterangkan secara umum. Keduanya, pada persoalan-persoalan akhlak iaitu berkaitan dengan kebaikan dan kelebihan (*fāḍilāt*) yang perlu kepada seseorang untuk menjadi seorang muslim yang soleh. Dan yang ketiga ialah pada

⁵⁷ dalam bukunya beliau menggunakan istilah ‘*din*’ atau ‘agama’.

persoalan-persoalan perundangan yang mampu memberi kedamaian kepada masyarakat.⁵⁸

Prof. Madya Mohamad Kamil Haji Abdul Majid turut mengulas kata-kata Ibn Taymiyyah dalam kitab *al-Nubuwwāt* dimana menurut beliau “wahyu yang datang melalui rasul adalah untuk menyatakan perbezaan antara kebenaran dan kebatilan, membezakan antara perintah dan larangan, baik dan buruk, halal dan haram. Maka manusia diwajibkan mengamalkan dasar-dasar agama, keterangan dan dalil di samping mengamalkannya. Sebaliknya akal tanpa wahyu tidak mampu menggariskan jalan selamat baik dari segi kerohanian dan keduniaan”⁵⁹

Justeru al-Quran dan al-Sunnah dilihat sebagai alat penyempurna hidup manusia. Tanggungjawabnya sebagai pembawa hidayah kepada akal banyak menyelesaikan masalah dan kesamaran di fikiran manusia. Ia bukan sahaja membimbing manusia mengenali alam ghaib bahkan turut menerangkan persoalan yang berkaitan dengan akhlak, muamalat, perundangan dan sebagainya. Bimbingan tersebut menghadirkan sinar kedamaian kepada manusia dan sekaligus kepada masyarakat keseluruhannya. Hakikatnya, walaupun akal dikatakan makhluk yang paling istimewa, tetapi ia tetap perlu disempurnakan dengan wahyu.

⁵⁸ Al-Imām ‘Abd al-Halīm Maḥmūd (t.t), *al-Islām wa al-‘Aql*, c. 2. Kaherah: Dār al-Ma’ārif, h. 17-18. Lihat juga ‘Izzat Muḥammad Ḥasan (1984), *op.cit.*, h. 126.

⁵⁹ Mohamad Kamil Haji Abdul Majid (1993), *op.cit.*, h. 74.

3.8 LAFAZ AL-'AQL DALAM AL-QURAN

Jika diteliti dalam al-Quran, hanya terdapat 49 ayat yang menyebut lafaz *al-'aql*. Tetapi tiada satu pun menyebutnya dalam bentuk kata nama (اسم). Kesemua lafaz tersebut disebut dalam bentuk kata kerja (فعل) iaitu *feel muqālīri*⁶⁰ kecuali satu ayat sahaja dalam bentuk *feel mādī*⁶¹. Kata kerja tersebut diulang sebut sebanyak 24 kali dalam *sighah ta'qilūn* (تَعْقِلُونَ), 22 kali dalam *sighah ya'qilūn* (يَعْقِلُونَ) dan masing-masing satu kali dalam *sighah 'aqalūh* (عَقْلُوهُ), *na'qilu* (نَعْقِلُ) dan *ya'qilu* (يَأْعِلُ).⁶²

Kebanyakan lafaz tersebut berada di penghujung ayat dan disebut dalam beberapa bentuk. Antaranya bentuk pertanyaan (أَمْلَأْتُمُونَ), bentuk pengharapan (تَعْمَلُونَ), bentuk *taqrīr* (تَقْرِيرُ) dan bentuk penafian (لَا يَعْمَلُونَ).⁶³ Penggunaan lafaz *al-'aql* dalam bentuk *feel* menggambarkan lafaz tersebut tidak hanya terbatas pada makna zahirnya sahaja tetapi ia memperlihatkan perbahasan dari aspek semulajadi iaitu seruan kepada melihat dan merenung.⁶⁴ Ini bermakna akal dalam al-Quran bukan hanya membawa maksud zat akal itu sendiri, tetapi mempunyai pengertian lain yang akan penulis huraikan dalam bab seterusnya.⁶⁵

⁶⁰ Kata kerja yang menunjukkan perkara yang sedang dan akan berlaku.

⁶¹ Kata kerja yang menunjukkan perkara yang telah berlaku.

⁶² Dr. Yusuf al-Qarjawi (2001), *al-'Aql wa al-'Ilm fī al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Muassasah al-Risālah. h. 13. Lihat juga HM Tuah Iskandar al-Haj (2003), *op.cit.*, h. 47-48. Lihat juga Harun Nasution (1983), *op.cit.*, h. 5. Lihat juga Abdul Munir Mulkhan (1994), *op.cit.*, h. 45. Lihat juga 'Izzat Muhammad Hasan (1984), *op.cit.* h. 121.

⁶³ Dr. Syeikh Muhammad 'Aliy al-Jīzū (1983), *Mafhūm al-'Aql wa al-Qalb fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, c. 2. Beirut: Dār al-Ilm li al-Malāyīn, h.55.

⁶⁴ *Ibid.*, h. 55-56.

⁶⁵ Tumpuan penulis hanya pada lafaz *al-'aql* di penghujung ayat al-Quran.

3.9 KALIMAH LAIN YANG SEERTI DENGAN *AL-'AQL*

Seruan menggunakan akal dalam al-Quran bukan sahaja dengan kata kerja *al-'aql* seperti yang telah dinyatakan di atas. Tetapi al-Quran turut menggunakan lafaz-lafaz lain yang membawa erti dan maksud yang sama dengannya. Lafaz-lafaz tersebut turut disebut dengan pelbagai bentuk / *sighah* seperti pengharapan, penafian dan sebagainya. Kepelbagaiannya penggunaan perkataan akal dengan kepelbagaiannya *sighah* dan ungkapan menunjukkan adanya pengertian yang lebih dalam tentang fungsi akal itu sendiri.⁶⁶ Munurut Dr. Harun Nasution antara kalimah lain yang turut membawa maksud yang sama dengan akal ialah⁶⁷:

- (i) *Nazara* (نَزَارَةً) iaitu melihat secara abstrak dalam erti berfikir dan merenung. Contohnya firman Allah s.w.t:

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبْلِ كَيْفَ خُلِقَتْ (17) وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ (18) وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِيبَتْ (19) وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ (20)

Maksudnya: Tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit bagaimana ia ditinggikan binaannya.? Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan? Dan keadaan bumi bagaimana ia dihamparkan?

Surah al-Ghāsyiyah (88): 17-20

- (ii) *Tadabbara* (تَدَبَّرَ) iaitu merenung. Umpamanya firman Allah s.w.t:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَفْتَأَلُهَا (24)

⁶⁶ Ahmad Husnan (1992), *op.cit.*, h 136.

⁶⁷ Harun Nasution (1989), *op.cit.*, h. 39-44.

Maksudnya: (Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?

Surah Muhammadiyah (47): 24

(iii) *Tafsakkara* (تَفَكُّر) iaitu berfikir sebagaimana firman Allah s.w.t:

وَسَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِنْهُ إِنْ فِي ذَلِكَ لَا يَابِ
لِقَوْمٍ يَتَكَبَّرُونَ (13)

Maksudnya: Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.

Surah al-Jâthiyah (45): 12-13

(iv) *Faqiha* (فقِي) iaitu mengerti, ia disebut sebanyak 16 ayat dalam al-Quran, antaranya firman Allah s.w.t:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ كَافِرَةً فَلَوْلَا نَفَرُوا كَافَةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَعَقَّبُوهُ
فِي الدِّينِ وَلَيُنَذِّرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَخَذِّرُونَ (122)

Maksudnya: Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

Surah al-Tawbah (9): 122

- (v) *Tadhakkara* (ذَكْرٌ) iaitu mengingat, memperoleh peringatan, mendapat pelajaran, memerhati dan mempelajari. Ia terdapat dalam al-Quran lebih daripada 40 ayat. Antaranya firman Allah s.w.t:

أَفَمَنْ يَخْلُقُ كَمَنْ لَا يَخْلُقُ أَفْلَأَ إِذْ كُرُونَ (17)

Maksudnya: Kalau sudah demikian, adakah Allah yang menciptakan semuanya itu sama seperti makhluk-makhluk yang tidak menciptakan sesuatu? Maka patutkah kamu larai sehingga kamu tidak mahu beringat serta memikirkannya?

Surah al-Nahl (16): 17

- (vi) *Fahima* (فَهِمَ) iaitu memahami. Contohnya firman Allah s.w.t:

وَدَاؤُودٌ وَسُلَيْمَانٌ إِذْ يَحْكُمَانِ فِي الْحَرَثِ إِذْ نَفَشَتِ فِيهِ غَنَمُ الْقَوْمِ وَكُنْتَا لِحُكْمِهِمْ شَاهِدِينَ (78) فَقَهَّمَتَاهَا سُلَيْمَانٌ وَكُلُّاً أَتَيْنَا حُكْمًا وَعْلَمَنَا وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاؤُودَ الْجِبَالَ يُسَبِّحُنَّ وَالْعَطَّيْرَ وَكُنْكًا فَاعْلَمَنَ (79)

Maksudnya: Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Daud dengan Nabi Sulaiman, ketika mereka berdua menghukum mengenai tanaman-tanaman semasa ia dirosakkan oleh kambing kaumnya pada waktu malam; dan sememangnya Kamilah yang memerhati dan mengesahkan hukuman mereka. Maka Kami beri Nabi Sulaiman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmah kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak); dan Kami mudahkan gunung-ganang dan unggas memuji Kami bersama-sama dengan Nabi Daud; dan adalah Kami berkuasa melakukan semuanya itu.

Surah al-Anbiyā' (21): 78-79

Walaupun kalimah-kalimah di atas mempunyai maksud dan maknanya tersendiri, tetapi umumnya ia menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh

akal. Menurut Abdul Munir Mulkhan lafaz-lafaz di atas boleh dikategorikan dalam satu pengertian iaitu faham dan mengerti.⁶⁸

Selain daripada lafaz-lafaz dalam bentuk kata kerja (فعل) seperti di atas, al-Quran turut menyebutnya dalam bentuk kata nama (اسم) seperti (الْأَنْبَاب), (الْأَعْصَار), (الْعِلْم), (الْكَهْنَى) dan (الْأَقْتَار). Lafaz-lafaz ini didatangkan dengan tujuan memberi sifat berfikir kepada seseorang muslim iaitu (أُوْلُو الْأَنْبَاب) orang berfikiran, (أُوْلُو الْأَعْصَار) orang bijaksana, (أُوْلُو الْعِلْم) orang berilmu dan (أُوْلُو الْأَقْتَار) orang yang mempunyai pandangan.⁶⁹ Menurut Dr. al-Syeikh Muḥammad ‘Alī al-Jūzū, hal ini mungkin satu penyelesaian bagi persoalan kenapa al-Quran tidak mendatangkan seruan berfikir dengan kata nama (اسم) *al-'aql*. Ini kerana seruan tersebut telah didatangkan dengan lafaz-lafaz lain yang mempunyai maksud sama dengannya.⁷⁰ Antara lafaz-lafaz tersebut ialah:⁷¹

- (i) *Ülu al-Albāb* (أُولُو الْأَنْبَاب). Ia juga bermaksud *aṣḥāb al-'uqūl* (أصحاب الْعُقُول) iaitu orang-orang yang mempunyai akal fikiran.⁷² Lafaz ini diulang sebut sebanyak 16 kali⁷³ dalam al-Quran.⁷⁴ Antaranya firman Allah s.w.t:

⁶⁸ Abdul Munir Mulkhan (1994), *op.cit.*, h. 45.

⁶⁹ Harun Nasution (1983), *op.cit.*, h. 45.

⁷⁰ Al-Jūzū (1983), *op.cit.*, h. 101.

⁷¹ Harun Nasution (1983), *op.cit.*, h. 45-46.

⁷² Muhammad al-Ghazālī (1984), *al-'Ilal wa Adwiyyah*, c. 2. Iskandariah: Dār al-Da'wah, h. 42.

⁷³ Iaitu (al-Baqarah (2): 179, 197, 269), (Āli 'Imrān (3): 7, 190), (al-Mā'īdah (5): 100), (Yūsuf (12): 111), (al-Ra'd (13): 19), (Ibrāhīm (14): 52), (Ṣād (38): 29,43), (al-Zumar (39): 1, 18, 21), (Ghāfir (40): 54) dan (al-Tallāq: 10).

⁷⁴ Lihat contoh dalam Muhammad al-Ghazālī (1984), *op.cit.*, h. 42-51.

إِنْ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لَّا يُؤْتَى
الْآيَاتِ (190)

Maksudnya: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.

Surah Āli Imrān (3): 190

(ii) *Ūlu al-Nuhā* (أُولُو الْنُّهَى). Lafaz ini disebut sebanyak dua kali⁷⁵ dalam al-

Quran dan salah satu daripadanya ialah firman Allah s.w.t:

أَفَلَمْ يَهْدِ لَهُمْ كَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُمْ مِنَ الْقُرُونِ يَمْشُونَ فِي مَسَاكِينِهِمْ إِنْ فِي
ذِلِّكَ لَآيَاتٍ لَّا يُؤْتَى الْثُّنْهَى (128)

Maksudnya: Adakah tersembunyi serta belum jelas lagi kepada mereka: berapa banyak Kami telah binasakan dari kamu-kaum yang terdahulu daripada mereka, sedang mereka sekarang berulang-alik melalui tempat-tempat tinggal kaum-kaum itu? Sesungguhnya pada yang demikian ada tanda-tanda (untuk mengambil iktibar) bagi orang-orang yang berakal fikiran.

Surah Taha (20): 128

(iii) *Ūlu al-'Ilm* (أُولُو الْعِلْم). Lafaz ini hanya disebut sekali sahaja dalam al-

Quran iaitu dalam firman Allah s.w.t:

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا
هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ (18)

Maksudnya: Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahwasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

⁷⁵ Iaitu (Taha (20): 54 dan 128)

(iv) *Ulu al-Abṣār* (أُولُو الْأَبْصَارِ). Lafaz ini disebut sebanyak dua kali⁷⁶ sahaja dalam al-Quran. Salah satu daripadanya ialah firman Allah s.w.t:

يُقْلِبُ اللَّهُ اللَّيلَ وَالنَّهَارَ إِنْ فِي ذَلِكَ عِزَّةٌ لِّأُولَئِكَ الْأَبْصَارِ (44)

Maksudnya: Allah menukar malam dan siang silih berganti; sesungguhnya yang demikian mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang celik mata hatinya berfikir.

Surah al-Nūr (24): 44

3.10 SERUAN SUPAYA MENGGUNAKAN AKAL DALAM AL-QURAN

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaylī, al-Quran banyak menyeru manusia menggunakan akal fikiran teutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan akidah seperti seruan menjauhkan ibadat penyembahan berhala, seruan memerangi sikap taklid buta dan juga seruan agar memikirkan ciptaan Allah di langit dan di bumi.⁷⁷ Oleh sebab itu, didapati banyak ayat al-Quran yang diakhiri dengan (أَنْذِرْهُمْ), (أَنْذِرْهُمْ), (أَنْذِرْهُمْ) dan (أَنْذِرْهُمْ). Kesemua ini menunjukkan gesaan menggunakan akal sama ada untuk berfikir, melihat dan mentadabbur.⁷⁸

Al-Quran bukan sahaja mendorong manusia mengadakan tinjauan, pengamatan pemikiran dan penelitian ilmiah terhadap apa-apa yang terdapat di langit dan bumi, semua makhluk dan semua fenomena alam semesta, tetapi ia

⁷⁶ Iaitu (Āli 'Imrān (3): 13) dan (al-Nūr (24): 44)

⁷⁷ Al-Zuhaylī (1972), *op.cit.*, h. 138.

⁷⁸ 'Izzat Muḥammad Ḥasan (1984), *op.cit.*, h. 126.

turut mendorong manusia supaya memikirkan tentang kejadian dirinya.⁷⁹ Dorongan tersebut jelas menunjukkan bahawa akal memainkan peranan penting dalam mengenal penciptanya.

Akal akan mengenal penciptanya apabila ia digunakan untuk merenung ciptaan-ciptaan di sekelilingnya dan merenung kuasa yang mampu mentadbir bumi ini. Setelah itu akal akan mengakui betapa besar kuasa pemiliknya sehingga mampu mengatur planet-planet tanpa berlaku sebarang pelanggaran dan mengatur pertukaran malam dan siang, pasang dan surut air di lautan dan hidup dan mati manusia. Bahkan akal akan mengatakan bahawa Pencipta tersebut Maha Besar kerana kemampuan dan keupayaanNya mengatur segala-galanya dengan sebaik mungkin.

Ringkasnya, seruan menggunakan akal dalam al-Quran boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama berfikir dan merenung tentang kejadian diri dan kedua ialah berfikir dan merenung tentang kejadian di langit dan di bumi.⁸⁰ Sehubungan dengan itu, penulis bentangkan beberapa contoh ayat bagi setiap bahagian tersebut.

⁷⁹ Dr. Muhammad ‘Uthmān Najātī (1993), *al-Qur’ān wa ‘Ilm al-Nafs*, c. 5. Kaherah: Dār al-Syūrūq, h. 139.

⁸⁰ Dr. Muḥammad al-Sayyid Yūsuf (2002), *Manhaj al-Qur’ān al-Karīm fi Islāh al-Mujtama*'. Kaherah: Dār al-Salām, h. 150-151.

3.10.1 Seruan supaya merenung kejadian diri (manusia).

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طَفْلًا ثُمَّ لَتَبْلُغُوا أَشْدَدَكُمْ ثُمَّ لَتَكُونُوا شَيْوخًا وَمِنْكُمْ مَنْ يَتُوفَّى مِنْ قَبْلِ وَلَتَبْلُغُوا أَحَلَّ مُسْمَىٰ وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ (67)

Maksudnya: Dia lah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari sekutel daging; kemudian Ia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua. Dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan); dan supaya kamu memahami (hikmat-hikmat kejadian itu dan kekuasaan Tuhan).

Surah Ghâfir (40): 67

3.10.2 Seruan supaya merenung kejadian di langit dan bumi.

- (i) Seruan supaya merenung ciptaan di bumi.

أَلَمْ يَحْكُلُ الْأَرْضَ مِهَادًا (6) وَالْجِبَالُ أَوْ تَادًا (7)

Maksudnya: (Mengapa kamu ragu-ragukan kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang yang telah mati?) Bukanakah Kami telah menjadikan bumi (terbentang luas) sebagai hamparan? Dan gunung-ganang sebagai pancang pasaknya?

Surah al-Naba' (78): 6-7

- (ii) Seruan supaya merenung ciptaan di langit.

وَمِنْ آيَاتِهِ يُرِيكُمُ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمْعاً وَيَنْزَلُ مِنِ السَّمَاءِ مَاءً كَيْخِي بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ (24)

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kebesaranNya dan kekuasaanNya, Ia memperlihatkan kilat kepada kamu, untuk menakutkan (dari panahan petir) dan memberi harapan (dengan turunnya hujan); dan Ia menurunkan hujan dari langit, lalu Ia hidupkan bumi sesudah matinya dengan hujan itu. Sesungguhnya yang demikian mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahaminya.

Surah al-Rūm (30): 24

(iii) Seruan supaya merenung ciptaan tumbuh-tumbuhan.

وَفِي الْأَرْضِ قِطْعَةً مُتَحَاوِرَاتٍ وَجَثَّاتٍ مِنْ أَعْتَابٍ وَرَزْغٍ وَتَخْيِيلٌ صَنْوَانٌ وَغَيْرُهُ
صَنْوَانٌ يُسْقَى بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَتَفَضُّلٌ بِعَصْبَاهَا عَلَى بَعْضٍ فِي الْأَكْلِ إِنَّ فِي ذَلِكَ
لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَعَلَّمُونَ (4)

Maksudnya: Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa, dan baunya) Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.

Surah al-Rā'd (13): 4

(iv) Seruan supaya merenung ciptaan haiwan.

وَالَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلُّهَا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنَ الْفَلَكِ وَالْأَنْعَامِ مَا
تَرَكُونَ (12) لِتَسْتَوُوا عَلَى طُهُورِهِ ثُمَّ تَذَكَّرُوا نِعْمَةُ رَبِّكُمْ إِذَا اسْتَوَيْتُمْ
عَلَيْهِ...

Maksudnya: Dan (Dia lah) yang menciptakan sekalian makhluk yang berbagai jenisnya; dan Ia mengadakan bagi kamu kapal-kapal dan binatang ternak yang kamu dapat mengenderainya, Supaya kamu duduk tetap di atasnya; kemudian kamu mengingati nikmat Tuhan kamu apabila kamu duduk tetap di atasnya...

Surah al-Zukhruf (43): 12-13

(v) Seruan supaya merenung aturan hukum alam.

وَهُوَ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ وَلَهُ اخْتِلَافُ اللَّيلِ وَالنَّهَارِ أَفَلَا يَقْعُلُونَ(80)

Maksudnya: Dan Dia lah yang menghidupkan dan mematikan; dan Dia lah yang menentukan pertukaran malam dan siang. Maka tidakkah kamu mahu berfikir?

Surah al-Mu'minūn (23): 80

(vi) Seruan supaya merenung ciptaan Allah secara umum.

إِنْ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيلِ وَالنَّهَارِ وَالْفَلَكِ الَّتِي تَجْرِي
فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنِ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَاحْتَبِي بِهِ الْأَرْضَ
بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثِّ فِيهَا مِنْ كُلِّ ذَائِبٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيَاحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنِ
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لِآيَاتِ لِقَوْمٍ يَقْعُلُونَ(164)

Maksudnya: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.

Surah al-Baqarah (2): 164

Seruan supaya mengadakan perjalanan dan mengamati seluruh isi alam ini bertujuan untuk membebaskan fikiran manusia dari ikatan-ikatan yang membelenggunya seperti taklid buta, taksub pada sesuatu pegangan, tayahul, khurafat dan sebagainya.⁸¹

⁸¹ Uthmān Najātī (1993), *op.cit.*, h. 149.

3.11 SERUAN SUPAYA MENINGGALKAN TAKLID BUTA.

Islam menolak keras sikap taklid buta kerana ia merupakan penghalang kepada akal untuk terus bergerak dan berfikir.⁸² Sekiranya ditinjau asas dan dasar Islam itu sendiri didapati ia terbina berdasarkan keyakinan yang jitu (*al-yaqīn al-qaf'i*), bukan berdasarkan ikutan pegangan nenek moyang (taklid) atau sangkaan (*zann*) ataupun tuntutan hawa nafsu.⁸³

Islam turut mencela golongan yang berpegang dengan sikap ini. Akal yang dikurniakan Allah tidak digunakan sebaiknya. Mereka hanya membiarkan orang lain membuat keputusan untuk dirinya. Segala yang diputuskan diterima tanpa berfikir panjang dan tanpa mempertimbangkan baik dan buruk akibatnya. Sikap tersebut hanya menjadikan diri terus dalam keadaan mundur dan sesat kejahilan.

Al-Quran sendiri merakamkan banyak sejarah kaum-kaum dan orang-orang terdahulu yang berpegang teguh pada agama dan kepercayaan nenek moyang mereka dan ketidakmampuan mereka untuk mengkaji akidah tauhid yang disampaikan kepada mereka oleh para nabi dan rasul. Ini terjadi akibat pemikiran yang dibelenggu oleh kebiasaan, tradisi dan fikiran lama.⁸⁴ Betapa lemahnya akal golongan ini sebagaimana al-Quran gambarkan melalui firman Allah s.w.t:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَيْمَنُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ شَيْءٌ مَا أَنْتُمْ بِهِ أَعْلَمُ كَانَ أَبَاوْهُمْ لَا يَعْقِلُونَ شَيْئاً وَلَا يَهْتَدُونَ (170)

Maksudnya: Dan apabila dikatakan kepada mereka "Turutlah akan apa yang telah diturunkan oleh Allah" mereka menjawab:

⁸² Al-Sayyid Sābiq (l.l), *op.cit.*, h. 20.

⁸³ Muhammad al-Sayyid Yūsuf (2002), *op.cit.*, h. 152.

⁸⁴ 'Uthmān Nujātī (1993), *op.cit.*, h. 138.

"(Tidak), bahkan kami (hanya) menurut apa yang kami dapati datuk nenek kami melakukannya". Patutkah (mereka menurutnya) sekalipun datuk neneknya itu tidak faham sesuatu (apa pun tentang perkara-perkara ugama), dan tidak pula mendapat petunjuk hidayah (dari Allah)?

Surah al-Baqarah (2): 170

Sikap taklid buta menjadikan akal mereka tidak boleh membezakan antara kebenaran dan kebatilan.⁸⁵ Malah mereka juga tidak dapat memikirkan sesuatu yang boleh membawa kebaikan pada diri dan kemenangan pada hari akhirat. Sehubungan dengan itu Allah s.w.t telah membandingkan golongan tersebut dengan golongan yang menggunakan akal fikirannya melalui firmanNya:

الذين يَسْتَعِيْنَ الْقَوْلَ فَبَيْتُهُنَّ أَحْسَنَهُ اُوتِلَكَ الَّذِينَ هَدَاهُمُ اللَّهُ وَأُوتِلَكَ هُمْ
أُوتُوا الْأَلْبَابِ (18)

Maksudnya: Yang berusaha mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya lalu mereka memilih dan menurut akan yang sebaik-baiknya (pada segi hukum ugama); mereka itulah orang-orang yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna.

Surah al-Zumar (39): 18

Golongan ini bukan menerima segala apa yang didengarinya dan disampaikan kepadanya, tetapi ia akan dipilih dan ditapis terlebih dahulu sebelum mengambilnya sebagai pedoman. Mereka hanya mengambil mana yang betul dan menolak segala yang buruk.⁸⁶ Allah s.w.t telah menjanjikan bahawa segala kebenaran akan terserlah di akhirat kelak kerana pada hari tersebut manusia akan membawa hal dan urusan masing-masing tanpa mempedulikan orang lain.⁸⁷ Ketika ini golongan yang tiada pegangan dan bersikap taklid buta akan terkapai-

⁸⁵ Muhammad Rasyid Ridha (t.t), *al-Waḥy al-Muḥammadi*, c. 8. T.T.P: al-Maktab al-Islāmiy, h. 252.

⁸⁶ Al-Zuhayli (1972), *op.cit.*, h. 145.

⁸⁷ *Ibid.*

kapai mencari kebenaran. Allah s.w.t menggambarkan keadaan mereka dalam firmanNya:

إِذْ تَبَرُّ الظِّنَّةِ أَبْيَعُوا مِنَ الظِّنَّةِ أَتَبْعُوا وَرَأَوْا الْعَذَابَ وَتَنَطَّعُتْ بِهِمْ
الْأَسْبَابُ (166)

Maksudnya: (laitu) ketika ketua-ketua yang menjadi ikutan itu berlepas diri dari orang-orang yang mengikutnya, sedang kedua-dua pihak melihat betapa ngerinya azab seksa itu, dan (ketika) terputusnya segala hubungan di antara mereka.

Surah al-Baqarah (2): 166

Ternyata kedua-dua golongan ini mendapat perhatian Allah s.w.t. Malah al-Quran turut mengumpamakan kedua-duanya sebagai orang yang celik dan orang yang buta. Firman Allah s.w.t:

قُلْ هُلْ يَسْتَوِي الْأَغْنَىٰ وَالْبَصِيرُ أَفَلَا تَتَكَبَّرُونَ (50)

Maksudnya: ...Bertanyalah (kepada mereka): "Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? Tidakkah kamu mahu berfikir?"

Surah al-An‘ām (6): 50

Perumpamaan ini amat tepat kerana sememangnya orang yang celik berkemampuan melihat segala sesuatu disekelilingnya. Tetapi sebaliknya berlaku kepada orang yang buta, hidupnya hanya diselubungi kegelapan.⁸⁸

3.12 KESIMPULAN

Keseluruhannya, beberapa kesimpulan dapat dibuat mengenai sifat-sifat orang yang berakal menurut gambaran al-Quran iaitu pertama, orang yang menggunakan akalnya untuk mengenali Allah s.w.t dengan cara *mentadabbur* dan

⁸⁸ Ni'mat Shidqi (1982), *Pembalanjan: Syurga atau Neraka*. Syed Ahmad Semait (terj.). Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 72.

meneliti ayat-ayatNya dan seterusnya mengamalkan apa yang diperintahkan. Kedua, orang yang merenung, melihat dan berfikir tentang segala ciptaanNya di mana renungan tersebut membawa keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. Dan ketiga, orang yang berfikir dan meneliti dahulu segala yang diterimanya sebelum mengambilnya sebagai pegangan. Ini bermakna dia tidak mengikut sesuatu pegangan secara membata tuli tanpa berfikir panjang. Tetapi keputusan yang dibuat adalah berdasarkan timbang baik dan buruknya.

Manakala orang yang tidak berakal pula, al-Quran gambarkan sebagai orang yang mensia-siakan anugerah tersebut. Mereka ini adalah dikalangan penghuni neraka yang menyesali diri atas apa yang telah dilakukan semasa di dunia. Malah al-Quran menyifatkan sifat tersebut adalah sifat dan sikap orang kafir yang hanya membiarkan diri terus di belenggu kejahilan dan dikuasai syaitan dan hawa nafsu. Lantaran sikap tersebut Allah s.w.t telah merendahkan darjat mereka lebih rendah daripada haiwan. Penghinaan ini amat berat buat manusia yang telah dinobatkan sebagai khalifah.